

TEKS UCAPAN RINGKAS
Y.BHG. DATO' MADINAH MOHAMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),
SAMBUTAN WORLD OCEANS DAY
12 JUN 2011
PUSAT SAINS NEGARA, KUALA LUMPUR

.....

Yang saya hormati pengerusi majlis,

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Selamat Pagi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penganjur dan pengunjung kerana dapat bersama-sama menjayakan sambutan World Oceans Day 2011 (WOD 2011). Jutaan syabas dan tahniah kepada Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD) dan Pusat Sains Negara serta Institut Maritim Malaysia (MIMA) di atas penganjuran sambutan hari yang cukup istimewa ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penganjur bersama bagi program ini iaitu Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM), World Wildlife Funds for Nature (WWF-Malaysia), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan beberapa organisasi swasta dan NGO di atas sumbangan dana, tenaga dan pelbagai bentuk sumbangan lain sebagai tanda sokongan mereka terhadap sambutan World Oceans Day 2011.

2. Sukacitanya juga saya berharap agar penganjuran program-program seumpama ini dapat diadakan pada masa akan datang dengan penglibatan lebih ramai pihak khususnya di peringkat MOSTI dan juga agensi/jabatan/institusi yang lain yang berkaitan. Pada pandangan saya, penganjuran program secara bersepadu ini membawa kepada kebaikan dari segi kewangan, tenaga kerja dan seterusnya dapat mengeratkan jalinan silaturrahim sedia ada. Kerjasama dan sokongan padu di antara pegawai dan kakitangan yang terlibat khususnya di peringkat perancangan dan pelaksanaan program adalah sangat penting dalam mencapai matlamat program berjalan dengan jayanya. Keakraban yang terbina ini akan memudahkan pelaksanaan tugas di dalam penganjuran program-program khususnya program MOSTI yang akan datang.

3. Cadangan sambutan sedunia bagi program *World Oceans Day* (WOD) telah dikemukakan oleh Kerajaan Kanada semasa berlangsungnya *Earth Summit* di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992. Cadangan ini dibuat berdasarkan kepada kepentingan memelihara dan memulihara persekitaran marin yang kian tercemar khususnya akibat daripada tindakan manusia. Dengan sokongan yang telah diberikan oleh UNESCO (*Intergovernmental Oceanographic Commission*) (IOC) pada tahun 1998, 8 Jun setiap tahun telah diistiharkan sebagai hari sambutan World Oceans Day di peringkat antarabangsa dengan jalinan kerjasama daripada World Ocean Network dan The Ocean Project.

4. Sambutan World Ocean Day bagi tahun ini mengambil tema '*Youth: the Next Wave for Change*'. Bagi menyahut seruan masyarakat antarabangsa tentang kepentingan memelihara dan memulihara persekitaran marin dan mengurangkan impak manusia terhadap ekosistem lautan, pihak NOD sebagai peneraju kecemerlangan dalam bidang oseanografi dan sains marin buat julung kalinya bersama-sama menganjurkan program sambutan World Oceans Day 2011 berorientasikan sains, teknologi dan juga kesenian. Sasaran utama program ini adalah untuk memberikan kesedaran dan peranan yang boleh dimainkan oleh segenap lapisan masyarakat terutamanya golongan belia. Penganjuran program ini juga antara program MOSTI bersempena Program Penggalakan Sains dan Matematik 2011 dengan tema "Go Science, Love Maths".

5. Masyarakat umumnya sedar bahawa lautan memainkan peranan yang sangat penting kepada kesinambungan dan kesejahteraan manusia dan semua hidupan, secara langsung atau tidak langsung. Lautan juga menjamin sumber makanan dan rezeki kepada penduduk dunia, mengawal suhu dan cuaca global, dan merupakan elemen biosfera yang sangat kritikal. Oleh yang demikian, kita seharusnya lebih peka mengenai impak-impak negatif ke atas ekosistem lautan yang berpunca dari aktiviti manusia yang tidak terkawal. Pencemaran, eksploitasi berlebihan terhadap sumber hidupan marin dan perubahan cuaca (*climate change*) akibat kesan rumah hijau (*green house effect*), aktiviti lanun dan penggunaan kapal atau alat tangkapan ikan terlarang, sedang mengancam keseimbangan ekosistem lautan dan marin. Tanpa kita sedari, ancaman terhadap ekosistem lautan

turut mengganggu keseimbangan ekosistem dunia, akibat kelalaian manusia sendiri.

6. Berdasarkan sokongan rakyat Malaysia yang semakin meningkat terhadap program kesedaran pemeliharaan alam sekitar 'Earth Hour' yang disambut setiap tahun, saya yakin dan percaya kesedaran, sokongan dan sambutan masyarakat terhadap program World Oceans Day dapat ditingkatkan. Saya juga berharap agar program sambutan ini dapat dilaksanakan dalam skala yang lebih besar dengan pendekatan inovasi berimpak tinggi terhadap tahap kesedaran umum pada masa akan datang. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan program sambutan World Oceans Day 2011 dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim. Semoga usaha ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dan memberi manfaat kepada semua.

Sekian terima kasih.